

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI
JAWAPAN LISAN
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS,
MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN KHOO POAY TIONG
[KOTA MELAKA]

TARIKH : 1 JULAI 2019

SOALAN : 47

Tuan Khoo Poay Tiong [Kota Melaka] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan jumlah pengundi-pengundi baru yang telah didaftarkan pada setiap suku untuk tahun 2018 dan 2019 mengikut pecahan negeri, dan adakah Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) akan membenarkan semula pelantikan wakil-wakil parti politik sebagai penolong pegawai pendaftar (ARO).

JAWAPAN: **YB DATUK LIEW VUI KEONG**
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, secara keseluruhannya jumlah pendaftaran baharu bagi tahun 2018 adalah sebanyak **216,705 orang**

pemilih manakala jumlah pendaftaran baharu bagi tahun 2019 iaitu dari 1 Januari 2019 hingga 31 Mac 2019 adalah sebanyak **26,136 orang pemilih.**

Sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) diperuntukkan kuasa di bawah Seksyen 8(1)(e) Akta Pilihan Raya 1958 (Akta 19) untuk melantik apa-apa bilangan Penolong Pendaftar Pemilih (PPP) yang difikirkan perlu untuk membantu SPR dalam melaksanakan urusan pendaftaran pemilih. Pada masa kini, terdapat **5 kategori PPP** yang ditetapkan oleh SPR iaitu **wakil jabatan, wakil pertubuhan bukan Kerajaan, wakil universiti, wakil pelajar dan wakil swasta.**

Selain itu, SPR juga telah **bersetuju untuk membenarkan semula pelantikan PPP (Wakil Parti Politik)** bagi melaksanakan urusan pendaftaran pemilih. Berhubung dengan perkara ini, SPR sedang **mengemas kini dan memperkemaskan Standard Operating Procedures** sedia ada sebelum pelantikan tersebut dapat dilaksanakan kelak. Pemakluman mengenai keputusan pelantikan ini akan dibuat kepada semua parti politik yang berdaftar secara bertulis dalam tempoh terdekat.